

Abdullah mula hari pertama

UM - 4 NOV 2003

PUTRAJAYA 3 Nov. — Datuk Seri Abdullah Ahmad Badawi hari ini memulakan hari pertamanya di Pejabat Perdana Menteri dengan meminta semua kakitangan Jabatan Perdana Menteri (JPM) tidak bekerja untuknya tetapi bekerja bersama-sama dengan beliau demi kepentingan agama, bangsa dan negara.

Sebelum memasuki pejabatnya, Perdana Menteri yang tiba pada pukul 8 pagi

disambut oleh lebih 1,000 kakitangan JPM di Laman Perdana diikuti dengan bacaan doa oleh Mufti Wilayah Persekutuan, Profesor Datuk Dr. Mohd. Yusof Hussin.

Turut menyambut ketibaan beliau ialah menteri-menteri di JPM, timbalan-timbalan menteri, setiausaha-setiausaha parlimen dan Ketua Setiausaha Negara, Tan Sri Samsuddin Osman.

Abdullah kemudiannya memberikan

ucapan ringkas dengan mengulangi kata-katanya semasa ucapan sulung selepas dilantik sebagai Perdana Menteri di Pulau Pinang pada Sabtu lalu.

Dalam ucapan sulungnya, Abdullah meminta semua anggota Barisan Nasional bekerja bersama-sama beliau untuk bangsa, agama dan negara.

"Inilah harapan saya. Saya tidak minta tuan-tuan bekerja untuk saya, tetapi perlu

di pejabat PM

bekerja bersama-sama saya untuk bangsa, agama dan negara," katanya.

Malah dalam ucapan sulungnya, beliau berkata, tidak ada mana-mana pemimpin pun yang boleh berjaya tanpa sokongan padu daripada anggota-anggota parti, kawan-kawan dan masyarakat.

Tepat pada pukul 8.10 pagi ini, Perdana Menteri meletakkan ibu jarinya pada Sistem Kedatangan Pejabat Perdana Menteri

yang merupakan sistem perakam waktu elektronik sebagai tanda simbolik memulakan tugasnya secara rasmi di Pejabat Perdana Menteri.

Abdullah yang dilantik sebagai Perdana Menteri kelima pada 31 Oktober lalu menggantikan Tun Dr. Mahathir Mohamad.

Selain memegang jawatan tersebut, beliau turut memegang portfolio Menteri Kewangan dan Menteri Dalam Negeri.